



DISEMBER 2017

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Jumaat, 01 Disember 2017 - YB Pehin Menteri KKBS dan rombongan pedikir-pedikir KKBS meneruskan lagi aktiviti amal dikir Syarafil Anam bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Kilanas . Majlis diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim, Kampung berkenaan yang disampaikan oleh YB Pehin.



Sabtu, 02 Disember 2017 - YB Pehin Menteri KKBS sempat meluangkan masa untuk bersama pasukan KKBS semasa Perarakan Maulidurrasul yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, BSB.



Rabu, 06 Disember 2017 - YB Pehin Menteri KKBS dan YB Pehin Menteri KHEDN menghadiri Majlis Penghargaan dan Makan Tengahari bersama pekayuh-pekayuh TID bertempat di Vanda Restaurant, Orchid Garden. Berakas.

Rabu, 6 Disember 2017 - Majlis penyerahan bendera bagi menyertai Pertandingan MMBC Penang Pesta International Bowling Championship 2017 telah berlangsung di VIP Room, Dewan Pusat Insani, Seria. Bendera berkenaan diserahkan oleh YB Pehin Menteri KKBS kepada Ketua Rombongan, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Persatuan Boling 10 Pin Daerah Belait, Dr. Sannay bin Haji Mohammad. Seramai 13 ahli Persatuan Boling 10 Pin akan mewakili NBD. Penyertaan tersebut bertujuan untuk meningkatkan mutu permainan dan sekali gus mempelajari teknik permainan yang betul dalam permainan sukan berkenaan. Ia adalah penyertaan kedua yang melibatkan 13 ahli persatuan tersebut yang terdiri daripada lapan lelaki dewasa, seorang remaja dan empat peserta wanita.



Khamis, 7 Disember 2017 - Majlis Pelancaran PKBN Pengambilan Ke-7 telah disempurnakan pelancarannya oleh tetamu kehormat YB Pehin Menteri KKBS. Seramai 379 belia terdiri daripada 261 lelaki dan 118 perempuan yang bakal mengikut latihan, mengatasi pengambilan-pengambilan yang terdahulu. YB Pehin menekankan KKBS bersama rakan-rakan strategik agensi-agensi kerajaan yang lain melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara akan memastikan PKBN akan terus relevan dan berperanan dengan meningkatkan mutu latihan yang sedia ada, menentukan barisan jurulatih yang benar-benar berkesan dan terlatih, agar segala pelaburan yang dilaksanakan berbaloi dan pulangan berganda yang dapat mencapai kepada matlamat kementerian ini dan juga Wawasan Negara 2035. Matlamat utama PKBN selaku salah satu daripada Program Strategik Kebangsaan yang dikelolakan oleh KKBS ialah untuk melahirkan generasi yang mempunyai kekuatan rohani dan jasmani, daya kepimpinan berkesan, semangat setia kawan dan patriotik serta berkeyakinan tinggi. Ia juga dibentuk bagi melahirkan insan belia yang mengenali jati diri dan memiliki jiwa besar selain digerakkan bagi bergiat aktif dan cemerlang dalam keusahawanan, industri kreatif dan mencipta jiwa belia yang berbakti melalui kesukarelawan. Majlis yang berlangsung di Kem Kekal PKBN, Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' oleh pelatih PKBN Pengambilan Ke-7 dan disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara, Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi Majlis. Majlis diteruskan dengan persembahan daripada para pelatih PKBN Pengambilan Ke-7, iaitu Lafaz Ikrar PKBN dan bacaan Doa Selamat bagi menyempurnakan majlis. Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok; SUT KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan Ahli-ahli Taskforce PKBN. Selepas Pelancaran PKBN Pengambilan Ke-7, YB Pehin berkesempatan melawat beberapa venue di daerah Temburong seperti OBBD dan Pusat Bahagia





Selasa, 12 Disember 2017 - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef telah mengadakan Majlis Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar 2017 berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Hadir mewakili Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah YB Pehin Menteri KKBS. Hubungan diplomatik kedua-dua buah negara terjalin sejak tahun 2008 yang menerokai bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.



Selasa, 12 Disember 2017 - Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN yang bertanggungjawab bagi Kebudayaan dan Kesenian Kali Ke-7 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan dengan Rakan Dialog (7th Meeting of the ASEAN Ministers Responsible for Culture and Arts [AMCA] and related Meetings with Dialogue Partners) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab bagi Kebudayaan dan Kesenian Kali Ke-13 (SOMCA) dan Mesyuarat-Mesyuarat berkaitan dengan Rakan Dialog. Mesyuarat ini merupakan susulan daripada Mesyuarat AMCA Ke-7 dan Mesyuarat SOMCA Ke-12 serta Mesyuarat-Mesyuarat berkaitan dengan rakan dialog yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan, pada tahun 2016. Mesyuarat yang diadakan selama dua hari itu dipengerusikan oleh YM SUT, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil selaku Pengerusi SOMCA. YM Datin SUT antara lain menjelaskan mesyuarat berkenaan adalah penting dalam usaha untuk memperkukuhkan perpaduan dan kerjasama antara semua anggota dalam menggambarkan masyarakat ASEAN yang aman, stabil dan berdaya tahan. Mesyuarat SOMCA Ke-13 dan Mesyuarat-Mesyuarat berkaitan dengan rakan dialog ini antaranya akan menyampaikan status dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan berikutan keputusan yang telah diambil semasa Mesyuarat AMCA Ke-7 dan Mesyuarat SOMCA Ke-12 dan Mesyuarat-Mesyuarat berkaitan dengan Rakan Dialog dan akan membincangkan status terkini pelan strategik bidang kebudayaan dan kesenian 2016 - 2025, pelaksanaan projek di bawah platform 'ASEAN-Committee on Culture and Information' (ASEAN-COCI) dan kerjasama dalam bidang kebudayaan di antara ASEAN dan rakan dialog. Selain itu mesyuarat kali ini juga akan membincangkan inisiatif berkaitan pengisytiharan BSB sebagai Bandar Raya Kebudayaan ASEAN, status pelaksanaan aktiviti sempena penubuhan ASEAN Ke-50 tahun dan cadangan-cadangan lain dalam bidang berkaitan

Rabu, 13 Disember 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat Majlis Makan Tengahari Bagi meraikan delegasi ASEAN dan Plus 3 sempena Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang Bertanggungjawab bagi Kebudayaan dan Kesenian (SOMCA) ke-13 dan Mesyuarat Berkaitan dengan Rakan Dialog yang berlangsung di Restoran Tarindak D'Seni BSB. Turut hadir ialah duta-duta besar dan perwakilan negara-negara ASEAN dan rakan-rakan dialog; Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil yang juga Pengerusi SOMCA ke-13; para sekretariat dan para pegawai kanan negara-negara ASEAN, rakan dialog dan para pegawai kanan KKBS.



Rabu, 13 Disember 2017 - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pekan Kuala Belait mengadakan Malam Pementasan Kebudayaan dan Kesenian Islam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan. Hadir selaku tetamu kehormat YB Pehin Menteri KKBS. Pementasan tersebut dapat memberi peluang para belia dan beliawanis untuk berani tampil di hadapan khalayak ramai khususnya dalam memberikan persembahan dan penyampaian mesej berbentuk nasihat serta panduan dalam bentuk hiburan. Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Mohammad Sunadi



Khamis, 14 Disember 2017 - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi telah diadakan di Dewan Digadong, bangunan KKBS. Hadir selaku tetamu kehormat YB Pehin Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Masjid Kampung Pulaie, Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh. Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban beramai-ramai. Ceramah Khas 'Rasulullah Qudwah Pemimpin Adil' disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakhtar. Majlis disejajarkan dengan penyampaian cenderahati 'Anugerah Pekerja Cemerlang' kepada empat pegawai di bawah KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disampaikan oleh YB Pehin.





Sabtu, 16 Disember 2017- Perkhemahan Belia Remaja Intisyar Tamadun Islam (PERINTIS) yang diadakan selama lima hari empat malam telah melebuhkan tirainya dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta bertempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Penyampaian sijil-sijil telah disempurnakan oleh YB Pehin Menteri KKBS. Perkhemahan ini bertujuan untuk melahirkan para belia yang berpotensi untuk menjadi pemimpin negara pada masa akan datang dan juga menjadi contoh kepada belia yang lain tentang kepentingan memajukan negara.




Ahad, 17 Disember 2017- Riadah Amal anjuran Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Jabatan Belia dan Sukan sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) ke-24 telah di adakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,bsb. Hadir merasmikan Riadah Amal YB Menteri Kesihatan. Turut hadir YB Pehin Menteri KKBS. Acara juga dimeriahkan dengan aktiviti mewarna yang dibukakan kepada kanak-kanak yang datang berkunjung ke taman berkenaan.



Ahad, 17 Disember 2017- YB Pehin Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat Acara Perlumbaan Go-Kart Peringkat Akhir sempena Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD Menaiki Takhta. Dalam acara ini sebanyak tiga kategori dipertandingkan pada peringkat akhir Perlumbaan Go-Kart, iaitu sebanyak 20 pusingan jarak jauh 1.0 km, setiap pusingan menggunakan trek perlumbaan, iaitu jalan kawasan stadium. Awang Haji Harith bin Pehin Haji Abd. Aziz berjaya memenangi Kategori Veteran / Heavyweigh sementara bagi Kategori Senior / Heavyweigh dimenangi oleh Shawn Tang, manakala Kategori Rookies. Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh YB Pehin.





khamis, 21 Disember 2017– YB Pehin Menteri KKBS telah membuat lawatan ke kawasan-kawasan yang terjejas berikutan banjir kilat akibat kejadian hujan lebat di Kampung Lumapas 'B' bagi meninjau lebih dekat rumah yang terjejas. KKBS pada peringkat ini telah memberikan bantuan berbentuk catuan makanan seperti beras dan makanan kering kepada para mangsa. Bantuan disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Ketua Kampung Lumapas, Awang Haji Chuchu bin Haji Serudin serta pegawai yang mewakili Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).

Ahad, 17 Disember 2017– Kaum wanita juga mempunyai ruang untuk berpartisipasi dan memainkan peranan yang proaktif dalam memperkasakan seni lukis dan persembahan yang bertaraf amatir dan profesional. Seni merupakan impak tamadun sesebuah bangsa dan negara menuju ke arah negara dan bangsa moden dan bermaruah. Perkara tersebut telah di sampaikan oleh YB Pehin Menteri KKBS semasa Majlis Pembukaan Rasmi Pameran Seni Visual yang berlangsung di Atrium, Seri Qlap Mall. Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan sentiasa memberikan sokongan moral dan material ke arah memajukan industri kreatif di tanah air agar dapat merentas sempadan ke negara-negara membangun di dunia. Menurut YB Pehin gabungan pelukis celik, remaja dan dewasa merupakan suatu jaringan sinergi kesinambungan dan menjadi pewaris penerus seni tanah air, penyertaan dan kumpulan karya seni visual terdiri daripada pelbagai genre seni lukis, persembahan dan lain-lain dalam suatu aktiviti berupa pameran dan jualan setentunya dapat memasyarakatkan seni serta menjana ekonomi. Menurut YB Pehin, Yayasan Seni Zakaria Omar (YSZO) sebagai sebuah Yayasan Seni yang bukan berorientasikan keuntungan sedikit sebanyak akan dapat membantu anak tempatan bekerja, berdikari dan tidak semata-mata bergantung kepada bantuan mana-mana pihak. YSZO juga dihasrat supaya sentiasa terus memacu kejayaan dalam mencapai objektif penubuhannya dan dapat membantu pihak kerajaan, khususnya KKBS ke arah mencapai Wawasan Seni Budaya Nasional, khususnya 'Dasar Belia' dan 'Dasar Kebudayaan Negara'.



Jumaat, 22 Disember 2017– Pmk. SUT KKBS, Awang Haji Amer Hamzah menjadi tetamu kehormat pada Majlis Ekspo Gempak Bonus 2017 yang berlangsung bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkhiah. Sebanyak 60 pengusaha telah menyertai ekspo tersebut .





Sabtu, 23 Disember 2017 - KKBS melalui JBS serta JAPEM telah mengadakan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa dan Hari OKU Antarabangsa 2017 bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia. Hadir selaku tetamu kehormat YB Pehin Menteri KKBS. Pmk. Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Anak Mohd Sofian dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, program kesukarelawan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan terutama dalam kalangan belia. Menurutnya lagi, satu ruang bagi kegiatan kesukarelawan akan mula digunakan menjelang pertengahan tahun 2018 di Pusat Belia bagi memudahkan para sukarelawan berhimpun, bermesyuarah atau bermuzakarah serta sebagai pusat operasi bagi perkara-perkara yang melibatkan sukarelawan. Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan acara tahunan yang diraikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada setiap 5 Disember sejak tahun 1985 yang mana Negara Brunei Darussalam telah meraikan sambutan ini sejak tahun 2011, manakala Hari Antarabangsa OKU pula telah diperkenalkan dan dipromosikan oleh PBB sejak tahun 1992 dan disambut pada setiap 3 Disember.

Ahad, 24 Disember 2017 - Majlis Malam Gala 1st Brunei Offroad Challenge 2017 sempena Brunei December Festival (BDF) 2017 telah diadakan di Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah YB Pehin Menteri KKBS. Soon Lee Fong dari Sabah, Malaysia dinobatkan juara, diikuti oleh Boon Chun Fat dari Negara Brunei Darussalam di tempat kedua. Manakala Lee Tet Sing dari Sabah memenangi tempat ketiga. Acara 1st Brunei Offroad Challenge berlangsung selama empat hari bermula 21 hingga 24 Disember dianjurkan oleh PKTLB dan diselaraskan oleh KSSUP. Ia disertai oleh pelumba dari Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Negara Brunei Darussalam.



Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim *Penyunting & Penyemak*, Jeffree Haji Kassim *Perwajahan dan Aturhuruf* Jeffree Hj Md Kassim *Jurufoto* Hajah Ajjiah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.